

PELANJUTAN PELAKSANAAN PELAN KONTIGENSI BAGI SOLAS VGM DI  
PELABUHAN KELANG  
MULAI 18 JULAI 2016 HINGGA 1 OGOS 2016

---

1. Notis Bil. 5/2016 bertarikh 30 Jun 2016 berkenaan Makluman Penangguhan Modul VGM Port Klang Net Dan Pelaksanaan Pelan Kontigensi Bagi SOLAS VGM Di Pelabuhan Klang Mulai 1 Hingga 17 Julai 2016 adalah dirujuk.
2. Pelan Kontigensi bagi SOLAS VGM di Pelabuhan Klang telah diaktifkan pada 1 hingga 17 Julai 2016 di mana pihak Operator Terminal menimbang dan mendapatkan VGM bagi semua kontena berkargo eksport yang masuk ke dalam pelabuhan tanpa sebarang kos.
3. Pihak Operator Terminal (Northport / Westports) juga telah memuat naik 'e-SOLAS' portal ke dalam Sistem Operasi Terminal serta telah mengadakan beberapa siri taklimat kepada Ejen Penghantaran / Operator CFS yang terlibat dalam penyaluran VGM di Pelabuhan Klang.
4. Maklumbalas daripada Ejen Penghantaran / Operator CFS mendapati 'pilot run' bagi 'e-SOLAS' portal Sistem Operasi Terminal harus dilanjutkan untuk membiasakan diri dengan sistem tersebut dan mendaftar dengan pihak Operator Terminal untuk mendapatkan 'ID' dan 'Password'.
5. Bagi memastikan semua Ejen Penghantaran / Operator CFS dapat menyesuaikan dengan 'e-SOLAS' portal Sistem Operasi Terminal, Pelan Kontigensi bagi SOLAS VGM di Pelabuhan Klang akan DILANJUTKAN hingga 1 OGOS 2016.
6. Pelaksanaan 'e-SOLAS' portal Sistem Operasi Terminal akan DIKUATKUASAKAN SEPENUHNYA PADA 2 OGOS 2016; JAM 00:00. Selepas tarikh ini, semua Ejen Penghantaran / Operator CFS dikehendaki untuk menyalurkan VGM (sekiranya ada) atau memohon untuk pihak Operator Terminal menyediakan VGM dengan menggunakan portal tersebut. Sekiranya gagal, pihak haulier tidak akan dapat membuat 'pre arrival booking' dengan pihak Operator Terminal maka secara tidak langsung kontena tersebut tidak akan diterima masuk ke dalam pelabuhan.
7. Ejen Penghantaran / Operator CFS akan dikenakan caj timbang Kontena bermula pada 2hb Ogos 2016.
8. Sebarang pertanyaan berkenaan 'e-SOLAS' portal bagi penyaluran VGM boleh dimajukan kepada Bahagian Khidmat Pelanggan (Northport & Westports) seperti berikut:

Operator  
Terminal Talian Telefon Alamat Emel  
Northport 03-3169 8000 customerservice@northport.com.my  
Westports 03-3169 4085 ccc@westports.com.my

9. Pihak Lembaga Pelabuhan Kelang akan memaklumkan sebarang perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Kapt. K. Subramaniam  
Penolong Pengurus Besar (Operasi dan Kawalselia)  
b.p. Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang